



20 November 2014
20 November 2014
P.U. (A) 313

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (PENGGUNA
AKHIR TERHAD DAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG)
(PINDAAN) (NO. 2) 2014

*STRATEGIC TRADE (RESTRICTED END-USERS AND
PROHIBITED END-USERS) (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER
2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (PENGUNA AKHIR TERHAD DAN PENGUNA AKHIR TERLARANG) (PINDAAN) (NO. 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhadap dan Pengguna Akhir Terlarang) (Pindaan) (No. 2) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 November 2014.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhadap dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 [*P.U. (A) 484/2010*] dipinda dalam Bahagian 2 Jadual Kedua berhubung dengan Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) dengan memasukkan selepas perenggan 19 perenggan yang berikut:

“20. Ocean Maritime Management Company, Limited (OMM) (Ocean Maritime Management Company, Limited ialah pengendali/pengurus kapal Chong Chon Gang. Ocean Maritime Management Company, Limited telah memainkan peranan penting dalam mengaturkan penghantaran kargo senjata dan materiel yang berkaitan yang disembunyikan dari Cuba ke DPRK pada Julai 2013. Oleh yang demikian, Ocean Maritime Management Company, Limited telah menyumbang kepada aktiviti yang dilarang oleh resolusi, iaitu embargo senjata yang dikenakan oleh resolusi 1718 (2006), sebagaimana yang diubah suai oleh resolusi 1874 (2009), dan menyumbang kepada pengelakan langkah-langkah yang dikenakan oleh resolusi ini. Lokasi: Donghung Dong, Central District, PO Box 120, Pyongyang, DPRK; Dongheung-dong Changgwang Street, Chung-Ku, PO Box 125, Pyongyang, DPRK. Maklumat Lain: Organisasi Maritim Antarabangsa (IMO) Nombor: 1790183)”.